

## **Analisis Kesalahan Tatabahasa Dalam Kalangan Murid Orang Asli Jakun Lenga, Muar Johor**

**[Analysis Of Gramatical Errors Among The Indigenous Students Jakun Lenga, Muar  
Johor]**

NURUL JAMILAH ROSLY<sup>1\*</sup>  
NOR ZAINIYAH ZARITA MOKHTAR<sup>1</sup>

### **Abstrak**

Literasi merupakan kebolehan untuk menulis, membaca dan memahami perkataan, ayat tunggal serta ayat yang mudah dalam mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam proses pembelajaran serta komunikasi harian. Kegagalan murid orang Asli dalam menguasai sistem tatabahasa bahasa Melayu dengan betul memberikan kekangan utama bagi murid orang Asli Jakun menguasai bahasa Melayu dengan baik. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan jenis kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh murid Orang Asli Jakun di Sekolah Kebangsaan Kampung Bharu, Lenga Johor. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memfokuskan kepada analisis kandungan dan temu bual. Sebanyak 30 set latihan tatabahasa telah diberikan kepada pelajar Tahap 1. Kajian ini menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Hasil dapatan menunjukkan terdapat 4 jenis kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh murid orang Asli Jakun iaitu penukaran huruf dengan huruf lain, pengguguran huruf dalam perkataan, penambahan huruf dalam perkataan dan kelewahan dalam ayat. Hasil kajian ini juga mendapati faktor penguasaan yang lemah, tidak berminat serta tidak memahami bahasa Melayu merupakan penyumbang utama dalam kegagalan ke arah pencapaian literasi bahasa Melayu.

**Kata Kunci:** literasi, bahasa Melayu, analisis kesalahan bahasa, murid orang Asli, pendidikan

### **Abstract**

Writing, reading, and understanding words, simple sentences, and applying that knowledge to the learning process and everyday conversations is known as literacy. The greatest obstacle to Jakun Asli pupils successfully mastering the Malay language is the indigenous students' incorrect mastery of the Malay grammatical structure. In order to determine and discuss the many kinds of grammatical mistakes made by Orang Asli Jakun students at Sekolah Kebangsaan Kampung Bharu in Lenga Johor. This study uses qualitative methods by focusing on content analysis and interviews. A total of 30 sets of grammar exercises were given to Level 1 students. This study uses Corder's Theory of Error Analysis (1973). The findings show that

---

<sup>1</sup>Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, IIUM Kampus Pagoh, 84600 Pagoh Muar, Johor.

**Corresponding Author:**

Azhani Almuddin, Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, IIUM Kampus Pagoh, 84600 Pagoh Muar, Johor.  
Email: nuruljamilah@iium.edu.my

there are 4 types of grammar mistakes made by the students of the Jakun Native pupils, namely changing letters with other letters, dropping letters in words, adding letters in words and redundancy in sentences. The results of this study also found that factors such as weak mastery, lack of interest and lack of understanding of the Malay language are the main contributors to failure towards the achievement of Malay language literacy.

**Keywords:** literacy, Malay language, error analysis, indigenous student and education

**Cite This Article:**

Nurul Jamilah Rosly & Nor Zainiyah Zarita Mokhtar. 2023. Analisis Kesalahan Tatabahasa dalam Kalangan Murid Orang Asli Jakun Lenga, Muar Johor. *Asian Journal of Civilization Studies*. (AJOCS), 5(2):1-11.

## PENGENALAN

Menurut Doris (2012), pendidikan berkait rapat dengan taraf atau kualiti kehidupan sesebuah masyarakat. Pendidikan juga menjadi ukuran bagi tahap pembangunan dalam sesebuah masyarakat. Kerajaan juga menyatakan bahawa pendidikan adalah penanda aras pembangunan sesebuah negara serta membentuk masyarakat yang berdaya saing, berpandangan jauh, saintifik dan progresif. Namun, keadaan ini berbeza dengan pandangan masyarakat Orang Asli khususnya di Malaysia. Mengenai bukti sejarah, masyarakat Orang Asli sememangnya terkenal sebagai masyarakat terawal di negara ini. Menurut Mohd Nuizzuddin (2018), walaupun mereka merupakan komuniti terawal di Malaysia, tahap pendidikan dan pekerjaan mereka sangat rendah berbanding kaum lain di Malaysia. Ini kerana penguasaan pendidikan dan peluang pendidikan dalam kalangan murid Orang Asli merupakan faktor penting dalam meningkatkan efikasi sendiri dan taraf hidup yang lebih baik.

Justeru, melalui pendidikan bahasa literasi, khususnya bahasa Melayu sebagai bahasa utama di sekolah-sekolah sekitar Malaysia kerana selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara ini (Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan) menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa teras. Kejayaan memartabatkan Bahasa Melayu pada kedudukannya perlu diusahakan oleh semua pihak di Malaysia secara berterusan. Sekolah dan guru Bahasa Melayu memikul tanggungjawab yang besar dalam memastikan semua murid dapat menguasai kemahiran literasi Bahasa Melayu seawal darjah satu di sekolah rendah. (Abdul Shukor et al. (2011). Namun begitu, seiring dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memperkasa pendidikan negara, namun masih terdapat murid yang masih ketinggalan iaitu Orang Asli. Di Malaysia, Orang Asli komuniti adalah kumpulan minoriti dengan 0.5% murid sahaja (Abdull Shukor et. al 2011). Memandangkan kaum lain telah maju dan meneroka lebih banyak bidang dalam pendidikan, masyarakat Orang Asli masih dibebani dengan masalah keciciran yang tinggi di peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Menurut Juli (2006), kesukaran masyarakat Orang Asli untuk menyesuaikan diri dengan kaum lain dan kurikulum yang diajar tidak sesuai dengan budaya masyarakat mereka menyebabkan mereka terus ketinggalan daripada dunia pendidikan. Justeru, pemantapan pendidikan literasi merupakan satu langkah untuk menjadikan mereka lebih berilmu. Selain itu, pendidikan literasi ini juga membantu mereka menguasai dalam komunikasi dan transformasi pendidikan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan yang menekankan kepentingan pendidikan kepada semua murid menjelang 2030 dan selaras dengan

Sustai Matlamat Pembangunan nable (SDGs) di bawah Agenda Global sejak 2030, yang akan menjadi pelan utama dalam Pelan Strategik JAKOA 2021 - 2025.

Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan jenis kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh murid Orang Asli Jakun di Sekolah Kebangsaan Kampung Bharu, Lenga Johor. Hal ini didapati penguasaan tatabahasa murid orang Asli Jakun ini masih berada dalam tahap yang rendah khususnya dalam menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (Nurul Jamilah & Nor Zainiyah: 2021). Menurut Abdull Sukor at al (2011), mendapati kebanyakan murid orang Asli ini amat jauh dan ketinggalan dan terbatas dari segi penguasaan literasi bahasa Melayu. Kebanyakan murid orang Asli ini masih mempunyai motivasi dan tahap kesedaran yang rendah khususnya dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Bagi murid orang Asli, pendidikan literasi ini bukanlah perkara utama berbanding dengan kehidupan mereka yang memerlukan mencari sumber pendapatan.

## **SOROTAN LITERATUR**

Terdapat pelbagai kajian yang mengkaji kesalahan tatabahasa ini terutamanya pada bahasa kedua. Antaranya kajian yang dibincangkan oleh Amirra Shazreena Aminul Razin dan Vijayaletchumy Subramaniam (2019) yang membincangkan mengenai kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Kajian ini bertujuan mengenal pasti empat kategori kesilapan bahasa yang telah disenaraikan iaitu pengguguran unsur yang perlu, penambahan unsur yang tidak perlu, penyusunan unsur yang salah dan kesilapan dalam bidang linguistik seperti morfologi, sintaksis dan leksikon. Kajian ini dijalankan kajian ini dijalankan secara kualitatif dan kuantitatif dengan mengambil sampel kajian seramai 50 orang murid yang terdiri daripada 29 orang murid perempuan dan 21 orang murid lelaki. Hasil dapatan kajian menunjukkan murid lebih banyak melakukan kesalahan dengan melakukan pemilihan imbuhan yang salah dalam perkataan dan diikuti dengan penambahan unsur yang tidak perlu dalam perkataan. Hasil kajian lapangan juga menunjukkan bahawa murid juga gagal memahami soalan yang diberikan oleh guru.

Selain itu, kajian oleh Siti Rahayu dan Shahril Nizam (2022), yang mengkaji analisis kesilapan bentuk kata dalam karangan bahasa Melayu mendapati terdapat 55 kesalahan pembentukan kata yang dilakukan oleh murid. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesilapan pembentukan kata dalam karangan murid darjah enam. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen bagi menganalisis kesilapan morfologi yang dilakukan oleh murid dan menggunakan Teori Analisis Kesilapan Corder (1973). Terdapat 50 sampel karangan yang digunakan dalam kajian ini. Hasil dapatan mendapati terdapat 55 jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid yang meliputi kesalahan pembentukan kata tunggal, kesilapan pembentukan kata terbitan, kesilapan pembentukan kata ganda penuh, kesilapan pembentukan kata tunggal, kesilapan pembentukan kata imbuhan awalan kata kerja 'meN-', kesilapan menggugurkan imbuhan awalan kata kerja 'beR-', kesilapan menggugurkan imbuhan berkahiran kata nama '-an', kesilapan menggugurkan apitan kata kerja 'mempeR-...I', menggugurkan kata tunggal yang tidak tepat, kesilapan pembentukan apitan kata nama 'pe...an' dan lain-lain. Kajian oleh Nurul Ain (2022) yang membincangkan masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid asing menyebabkan terdapat pelbagai jenis kesalahan tatabahasa yang

dilakukan oleh murid asing. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesalahan sintaksis yang dilakukan oleh murid dalam penulisan esei dan mengklasifikasikan jenis kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh murid asing. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan teknik analisis teks dalam menganalisis data. Kajian ini juga menggunakan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) sebagai sandaran. Sebanyak 28 skrip esei digunakan bagi menganalisis data kajian. Hasil dapatan menunjukkan kesalahan sintaksis meliputi kesalahan dalam ayat aktif, ayat pasif, ayat majmuk pancangan, ayat saduran, ayat tergantung dan ayat tidak gramatis. Selain itu, dapatan data juga menunjukkan gangguan kepada bahasa ibunda dan tempoh pembelajaran yang singkat menyumbang kepada murid tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Salinah Jaafar dan dan Rohaidah Harun (2016), mengkaji jenis kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh murid-murid Yunan yang mengikuti kursus bahasa Melayu di Akademi Pengajian Melayu. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap penguasaan bahasa Melayu dengan memfokuskan kepada aspek morfologi, sintaksis dan kesalahan mekanikal. Kajian ini menggunakan metodologi analisis teks dengan 39 penulisan skrip jawapan murid yang bertemakan 'Faktor-faktor Kemalangan Jalan Raya di Malaysia. Hasil dapatan kajian mendapati jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid adalah penggunaan imbuhan, penggunaan kata sendi nama, pemilihan kata dan istilah, penggunaan kata ganda, penggunaan kata hubung, kesalahan aspek sintaksis serta bentuk-bentuk kesalahan mekanikal seperti ejaan, penggunaan huruf besar dan tanda baca.

Begitu juga Zaliza Mohamad Nasir (2017), yang memfokuskan kepada analisis kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan murid Indonesia. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesalahan tatabahasa dari segi aspek morfologi, sintaksis dan semantik serta menghuraikan faktor-faktor kesalahan itu berlaku. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dalam pengumpulan data dengan menganalisis skrip latihan penulisan yang diberikan kepada murid. Hasil dapatan mendapati kesalahan sintaksis yang kerap dilakukan murid adalah ayat dengan ayat, subjek dengan subjek, predikat dengan predikat, adverb dengan adverba, objek dengan objek dan ayat gabungan dengan kata penghubung yang berpasangan, kesalahan penggunaan kata sendi nama dan kesalahan penggunaan kata ganti nama. Selain itu hasil dapatan data juga membincangkan faktor-faktor kesilapan ini berlaku disebabkan kekurangan pengetahuan penutur terhadap bahasa kedua. Selain itu, timbul juga faktor kekeliruan di antara bahasa Melayu dan bahasa Indonesia seperti perkataan 'gedung' yang membawa kepelbagaian makna antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia sebagai sesuatu yang besar.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Menurut Faridah Nazir et. al (2020), reka bentuk kajian kualitatif merupakan kajian yang menghuraikan idea dan persoalan, jangka masa kajian, jenis data yang dikumpulkan, kumpulan responden yang hendak dikaji serta strategi pengumpulan data yang digunakan. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis aspek-aspek kesalahan yang diteliti yang merangkumi kesalahan morfologi dan sintaksis. Data kajian menggunakan dua kaedah iaitu analisis kandungan dan temu bual. Kaedah analisis kandungan dengan mengehadkan dapatan data dalam bentuk latihan tatabahasa yang telah disetkan sistem

bahasa yang sesuai dengan pembelajaran untuk murid orang Asli Jakun. Terdapat 30 set latihan tatabahasa diberikan kepada murid Tahap 1 yang mempunyai seramai 17 orang murid iaitu 13-orang murid perempuan dan 17-murid lelaki. Kaedah temu bual juga dijalankan ke atas 4 orang guru yang mempunyai pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada murid orang Asli. Selan itu, tujuan temu bual ini dijalankan adalah untuk mengumpulkan maklumat mengenai kesalahan tatabahasa yang sering dilakukan oleh murid orang Asli Jakun. Lokasi kajian ini dilakukan di Sekolah Kebangsaan Kampung Bharu, Lenga, Pagoh Muar, Johor. Kajian ini mengaplikasikan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973), yang mengkaji kesalahan pemindahan/interlingual berkait dengan gangguan bahasa ibunda. Menurut Corder (1971), gangguan bahasa ibunda wujud apabila tabiat (bentuk, sistem atau hukum) bahasa pertama pelajar mengganggu atau menghalangnya daripada memperoleh bentuk, sistem atau hokum dalam bahasa kedua. Beliau menjelaskan bahawa kesalahan penting dalam tiga cara kepada golongan berikut terutamanya kepada pengajar bagi menunjukkan perkembangan prestasi murid. Kedua kepada pengkaji yang menunjukkan cara-cara pemerolehan bahasa dan strategi-strategi yang digunakan murid serta murid pula untuk mereka boleh belajar daripada kesalahan-kesalahan tersebut. Menurut Corder (1981), terdapat lima langkah dalam proses analisis kesalahan bahasa iaitu mengumpul kesalahan bahasa, mengenal pasti kesalahan bahasa, memerihalkan kesalahan bahasa, menjelaskan kesalahan bahasa dan menilai serta membetulkan bahasa.

Selain itu, bagi memastikan ketepatan data, data tersebut disemak ketepatannya daripada “The Quranic Arabic Corpus” yang didapati dari pautan <https://corpus.quran.com/>. Kesahan tersebut didapati dari verb concordance yang merupakan salah satu daripada bahagian Quran dictionary. Paparan bahagian verb concordance dapat diperlihatkan seperti berikut:

## **ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN**


Berdasarkan 60 sampel yang dianalisis, didapati 4 jenis kesalahan tatabahasa yang dilakukan merangkumi aspek morfologi dan sintaksis. Antara jenis kesalahan yang dilakukan oleh murid orang Asli Jakun adalah:

- a. Penukaran huruf dengan huruf lain.
- b. Pengguguran huruf dalam perkataan
- c. Penambahan huruf dalam perkataan
- d. Kelewahan di dalam ayat.

Berikut merupakan taburan jenis kesalahan tatabahasa dalam kalangan murid Asli Jakun mengikut peratusan:

Jadual 1: Taburan jenis kesalahan tatabahasa

NO	JENIS KESALAHAN	KEKERAPAN	PERATUS
1.	Penukaran huruf dengan huruf lain	9	33 %
2.	Pengguguran huruf dalam perkataan	7	26%
3.	Penambahan huruf dalam perkataan	4	15%
4.	Kelewahan di dalam ayat.	7	26%
	<b>JUMLAH</b>	<b>27</b>	<b>100%</b>



Rajah 1 Peratusan analisis kesalahan bahasa

Berdasarkan Rajah 1 di atas, sebanyak 33% menunjukkan peratusan yang tinggi bagi kesalahan penukaran huruf dengan huruf lain dengan jumlah kekerapannya sebanyak 9 kali. Seterusnya, sebanyak 26% pula menunjukkan kesalahan berbentuk pengguguran huruf dalam perkataan dan kelewahan di dalam ayat yang masing-masing mencatatkan 7 kali kekerapan. Sebanyak 15% pula menunjukkan kesalahan penambahan huruf dalam kesalahan dengan mencatatkan 4 kali kekerapan. Berikut merupakan perbincangan jenis kesalahan tersebut berdasarkan Jadual 1 dan Rajah 1 di atas.

## Kesalahan morfologi

Menurut Abdullah Hassan (2006), morfologi adalah sebahagian proses pembentukan kata. Berdasarkan kajian ini, mendapati terdapat kesalahan yang dilakukan dari segi ortografi/ejaan yang dilakukan oleh murid Orang Asli Jakun. Berikut merupakan jenis mengenai kesalahan ortografi berdasarkan data kajian:

Jadual 2: Penukaran huruf dengan huruf lain

Data	Kesalahan	Pembetulan
Data 33	kerata	kereta
Data 23	buiy	buai
Data 18	de	di
Data 7	meniyam	menyiram
Data 19	memanda	memandu
Data 35	kerete	kereta
Data 44	buay	buai
Data 35	ketil	kecil
Data 42	penyepu	penyapu

Berdasarkan Jadual 2 di atas, menunjukkan penukaran huruf dengan huruf yang lain berlaku pada 9 perkataan seperti huruf vokal [e] kepada huruf [a] dan [i] pada perkataan kereta dan buiy yang merujuk data (23). Begitu juga pada data (18) perkataan de menunjukkan penukaran huruf [e] kepada [i] bagi merujuk perkataan sebenar di. Selain itu, kesalahan ejaan ini juga berlaku dalam kata kerja meniyam iaitu berlaku penukaran huruf [ny] kepada huruf [ni] yang merujuk kepada perkataan menyiram bagi data (7). Begitu juga kepada kata kerja memandu iaitu data (19), dengan berlaku kesalahan ejaan menjadi memanda dengan berlaku penukaran huruf [u] kepada [a] pada suku kata terakhir yang menjadi memanda. Sekali lagi pada perkataan kata nama kerete iaitu data (35), didapati murid mengeja seperti menyebut perkataan tersebut, apabila berlaku penukaran huruf [a] kepada huruf [e] pada suku kata terakhir. Bagi kata adjektif kecil iaitu data (35) berlaku penukaran huruf [c] kepada [t] yang menjadi perkataan ketil. Begitu juga bagi perkataan penyapu berlaku penukaran suku kata [nya] kepada [nye] menjadi penyepu bagi data (42).

Jadual 3: Pengguguran huruf dalam perkataan

Data	Kesalahan	Pembetulan
Data 3	bui	buai
Data 17	baki	basikal
Data 26	aym	ayam
Data 34	kambin	kambing
Data 26	buk	buku
Data 28	memadu	memandu
Data 29	pacik	pakcik

Jadual 3 di atas, menunjukkan terdapat 7 jenis kesalahan iaitu pada data (3) perkataan bui yang mengalami pengguguran huruf [i] menjadi bui daripada perkataan asalnya adalah buai. Begitu juga pada data (17) perkataan basikal didapati mengalami pengguguran pada suku kata akhir iaitu pada huruf [k], [a] dan [l]. Bagi perkataan ayam pada data (26) didapati berlaku pengguguran huruf [a] menjadi aym. Pada perkataan kambing iaitu data (34) berlaku pengguguran huruf [g] menjadi kamin. Bagi perkataan buku juga pada data (26), berlaku pengguguran huruf di hujung iaitu huruf [u] menjadi perkataan buku. Berbeza perkataan memandu iaitu pada data (28), pengguguran huruf berlaku pada huruf [n] menjadi perkataan memadu. Akhir, perkataan pacik pada data (29) mengalami pengguguran huruf [k] menjadi pacik.

Jadual 4: Penambahan huruf dalam perkataan

Data	Kesalahan	Pembetulan
Data 22	memakan	makan
Data 6	kereita	kereta
Data 10	tine	tin
Data 12	membukak	membuka

Berdasarkan jadual 4 di atas, didapati terdapat 4 data menunjukkan perkataan yang mengalami penambahan huruf dalam perkataan sebagai contoh pada data (22) menunjukkan perkataan memakan mengalami penambahan huruf [m] dan [e] daripada kata asalnya makan. Begitu juga pada kereta berlaku penambahan [i] di tengah huruf menjadi kereita bagi data (6). Bagi perkataan tin iaitu data (10) berlaku penambahan huruf [e] di akhir kata menjadi tine. Akhir, perkataan membuka turut menjadi penambahan huruf [k] menjadi membukak pada data (12).

### **Kesalahan sintaksis**

Menurut Nik Safiah Karim et al. (2008), sintaksis merupakan bidang ilmu Bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruksi ayat. Berdasarkan data, menunjukkan terdapat juga kesalahan dari segi sintaksis. Kesalahan sintaksis ini merangkumi jenis kesalahan berbentuk kelewahan. Menurut Raja Massitah (2007), kelewahan ayat bermaksud sesuatu penggunaan yang berlebih-lebihan sehingga berlaku penambahan atau pengulangan yang sia-sia. Aspek kelewahan ini boleh mengganggu kegramatisan dan binaan ayat dalam Bahasa Melayu. Berikut merupakan contoh kelewahan ayat di dalam data kajian:



Jadual 5: kesalahan kelewahan

Data	Kesalahan	Pembetulan
Data 5	Liyana berjalan jauh sangat	Liyana berjalan sangat jauh
Data 6	Pakcik sebenar menyapu atas bas	Pakcik menyapu di atas bas.
Data 9	Cikgu cakap di pintu	Cikgu bercakap di tepi pintu.
Data 10	Ain dan Atirah memasuk ke pintu	Ain dan Atirah masuk melalui pintu
Data 12	Mereka bersama berjalan	Mereka berjalan bersama
Data 18	Aseh dah balek pulang rumah	Aseh sudah pulang ke rumah
Data 24	Haikal menurun bas jauh	Haikal turun daripada bas
Data 26	Hanif tengah cakap sama-sama.	Hanif sedang bercakap dengan Haikal

Berdasarkan jadual 5 di atas, data (5) menunjukkan susunan kesalahan predikat yang merujuk kepada kata penguat diikuti oleh kata adjektif iaitu sangat jauh. Bagi data (6) pula menunjukkan kelewahan ayat kerana menambah perkataan sebenar pada ayat tersebut. Berbeza pada data (9) menunjukkan kesalahan kata sendi nama di pintu sepatutnya di tepi pintu. Bagi data (10), kelewahan ayat ini berlaku pada perkataan memasuk yang sepatutnya masuk. Seterusnya data (12) didapati susunan frasa bersama berjalan, yang sepatutnya berjalan bersama. Bagi data (18), didapati kesalahan kepada ringkasan frasa dah balek yang sepatutnya sudah balik. Data (24) pula menunjukkan kesalahan kepada perkataan menurun yang sepatutnya turun. Akhir sekali, data (26) menunjukkan kesalahan kepada susunan subjek dan predikat khususnya kepada subjek dan keterangan ayat yang sepatutnya bagi menerangkan keterangan bersama merujuk kepada frasa dengan Haikal.

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan, kesalahan sistem tatabahasa yang sering dilakukan oleh murid Asli Jakun ini adalah meliputi aspek kesalahan morfologi iaitu kesalahan dari segi penukaran huruf dengan huruf lain, pengguguran huruf dalam perkataan, penambahan huruf dalam perkataan serta kelewahan dalam ayat. Hal ini menunjukkan, guru-guru bahasa Melayu, boleh menyusun atur strategi yang sesuai untuk menjadikan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid Asli Jakun lebih menarik dan interaktif. Para guru juga boleh memfokuskan lebih banyak penguasaan bahasa Melayu pada proses penulisan yang dilihat masih perlu diberi perhatian. Bimbingan guru secara berterusan termasuk waktu di luar bilik darjah juga dilihat mampu menambahkan minat pada murid orang Asli Jakun untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Selain itu, pembangunan modul pembelajaran literasi khas untuk murid orang Asli Jakun juga boleh dibangunkan oleh guru-guru yang dilihat lebih sesuai dengan memasukkan kandungan modul tersebut sesuai dengan budaya dan cara hidup orang Asli Jakun berbanding penggunaan modul sedia ada yang digunakan oleh semua lapisan pelajar. Melalui kandungan modul yang dibina, guru juga boleh membina aktiviti-aktiviti pengajaran yang berteknologi seperti melalui aplikasi di dalam telefon yang memudahkan murid orang Asli Jakun pada hari ini dapat mempelajari bahasa Melayu dengan mudah dan pantas.

**RUJUKAN**

- Abdul Hadi Kudin & Karim Harun. (2017). Diglosia dan Loyalti bahasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli Semai. *Jurnal Linguistik*. 21 (2): 48-59.
- Abd. Aziz Shukor, Ramlah Jantan, Md. Nasir Masran, Suppiah Nachiappan, & Roslinda Mustapha. (2010). Program pemulihan membaca di kalangan murid-murid Orang Asli di Sek. Kebangsaan Batu 7 Tapah, Perak. Prosiding Seminar International Management Education Conference 2010, 6-8 Oktober 2010 Mahkota Hotel, Melaka.
- Abdull Sukor Shaari & Zamri Salleh. (2010). Kesan model tautan terhadap pengajaran karangan. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*. 6, 55-78.
- Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali & Mohd Hasni Dali. (2022). Kanak-kanak Minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai Literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 1 (2). 59-70.
- Amir Zal WA. (2013). Pembentukan modal insan Orang Asli Darat dan Laut di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*. 9 (4),1-14.
- Amirra Shazreena Aminul Razin & Vijayaletchumy Subramaniam. (2019). Penggunaan Imbuan Awalan dan Akhiran dalam kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(1), 2019: 3 – 13.
- Ahmad Zalizan Mohd Jelas. (2011). *Masyarakat Orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya*. Bangi: Penerbit UKM.
- Bogdan, R. & Biklen, S. R. (2003). *Qualitative research for education: An introduction theories and methods*. 5th Edition. Boston:
- Cheng Fong Peng. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 6(2). 10-22.
- Creswell, J. R. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. 3th Edition. London: SAGE
- Faridah Nazir, Nurul Jamilah Rosly, Nora Azian Nahar. (2020). *Kaedah Penyelidikan*. AYER Keroh: SYFE Management.
- Lee, L.F & Raja Masittah Raja Ariffin. (2007). *Petunjuk Bhasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Muizzuddin Mohd Nor, Mohamad Fauzi Sukimi & Mohd Nasaruddin Mohd Nor. (2018). Kesedaran Pendidikan dan minat kerja murid Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang. 14 (1). 72-86.
- Salinah Jaafar dan dan Rohaidah Harun. (2016). Kesilapan bahasa melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*. 15 (2). 197-209.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa, dan Abdul Hamid. Mahmood. (2008). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Estrin, H. (2010). Teaching minority students to write effectively. New Jersey Institute of Technology. <http://www.indiana.edu/~reading/jeo/digests/d83.html>
- Nurul Ain Alizuddin. (2022). Kesalahan Sintaksis Dalam Penulisan Esei Bahasa Melayu Pelajar Asing. *International Social Science of Humanities Journal*. 5(1), 38-49.
- Siti Rahayu dan Shahril Nizam. (2022). Analisis kesilapan Kata Tugas dalam Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Enam. *Asian of Journal Civilazation Studies*. 4 (2). 13-29.
- Shahidi a.h, Nor Azwahanum Nor Shaid, Mohd Sharifudin Yusop, Marlyna Maros & Rahim Aman. (2016). Fenomena Sosiobudaya Orang AsliKanaq Dalam Penguasaan Bahasa Melayu: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Sains dan Kemanusiaan*. 15 (5). 146-156.

- Shafida Azwina Mohd Shafie, Ahmad Farhan Mohd Sadullah. (2002). The comparison of trip generation behavior between an urban school and a rural school. Conference Proceedings Malaysian Universities Transport Research Forum. Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya. 22 & 23 Oktober.
- Shyam KC. (2007). Society and infrastructure: Geographical accessibility and its effects on school enrolment in Nepal. (PhD dissertation). College Park, Faculty of the Graduate School, University of Maryland.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). (2008). Laporan tahunan 2008 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Kuala Lumpur.
- Siti Aminah Mohd Sam. (2015). Kajian amalan budaya Orang Asli suku kaum Jakun di Kampung Peta. Disertasi Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn.
- Zainal Abidin Hj Ali (2004). Jabatan Hal Ehwal Orang Asli: Peranan dalam bidang penyelidikan. Kertas Kerja dalam Seminar Sehari Tradisi Lisan Masyarakat Orang Asli. Anjuran Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 8 September.
- Zaliza Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan Tata Bahasa Bahasa Melayu dalam Penulisan Karangan Pelajar. *LSP International Journal*. 4 (1), 23–35.
- Zulkifley Hamid. (2014). Faktor Persekitaran sekolah dan etnik dalam perancangan dan pelaksanaan program pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*. 10 (5), 99-109.